



## MAJLIS DAERAH KUBANG PASU IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 18 tahun keatas. Keutamaan diberi kepada anak tempatan Negeri Kedah yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di dalam pentadbiran Majlis Daerah Kubang Pasu:-

BIL.	JAWATAN	GRED	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	ARKITEK LANDSKAP	J41	TETAP	1
2.	PENOLONG JURUAUDIT	W29	TETAP	1

### SYARAT LANTIKAN DAN LAIN-LAIN MAKLUMAT:

Sila layari laman Web Majlis Daerah Kubang Pasu seperti berikut:

[www.mdkubangpasu.gov.my](http://www.mdkubangpasu.gov.my).

TARIKH JUALAN BORANG	: 2-23 November 2017
TARIKH TUTUP PERMOHONAN	: 23 November 2017 (Khamis)
<b>MASA</b>	
Ahad – Rabu	: 8.30 pagi - 4.45 petang
Khamis	: 8.30 pagi - 3.15 petang



## MAJLIS DAERAH KUBANG PASU IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

**NAMA JAWATAN** : ARKITEK LANDSKAP GRED J41  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**: KEJURUTERAAN  
**TARAF JAWATAN** : TETAP ( 1 KEKOSONGAN )

### JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401JA41000	J41	RM 2,529.00	RM 9,643.00	RM 225.00

### SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - Warganegara Malaysia;
  - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Landskap yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00);

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Arkitek Landskap adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Arkitek Landskap Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
  - Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
  - had umur pelantikan:
    - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- |  |   |
|--|---|
| <b>PENETAPAN GAJI<br/>PERMULAAN</b>      | 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.  |
| <b>TEMPOH PERCUBAAN</b>                  | 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.  |
| <b>LATIHAN</b>                           | 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.   |
| <b>PROGRAM<br/>TRANFORMASI MINDA</b>     | 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.   |
| <b>PENGESAHAN DALAM<br/>PERKHIDMATAN</b> | 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br><br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br><br>(b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan ; dan<br><br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan. |

**DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab melaksanakan reka bentuk kerja-kerja pembangunan, penyelenggaraa, pengawasan projek, mereka bentuk pelan pembangunan, taman awam, landskap serta memberi input kepada rancangan pelan pembangunan struktur, kertas-kertas mengenai garis panduan dan perancangan serta projek-projek yang dilaksanakan oleh Jabatan.



## MAJLIS DAERAH KUBANG PASU IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat KDYMM Sultan Kedah dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan berikut:-

**NAMA JAWATAN** : PENOLONG JURUAUDIT GRED W29  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**: KEWANGAN  
**TARAF JAWATAN** : TETAP ( 1 KEKOSONGAN )

### JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM

(RM SEBULAN)

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401WA29000	W29	RM 1,498.00	RM 5,678.00	RM 145.00

### SYARATLANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - Warganegara Malaysia;
  - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);
    - Certified Accounting Technision (CAT) yang diiktiraf oleh kerajaan:  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92);
    - Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, Kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); atau
    - Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang pentadbiran kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68);

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Juruaudit Gred W29, tertakhluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred W29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN** 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANFORMASI MINDA** 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan ; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**DESKRIPSI TUGAS:**

Menjalankan kerja-kerja auditan terhadap akaun dan aktiviti-aktiviti Majlis dan lain-lain kumpulan wang yang di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Kubang Pasu.

## **CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan Borang MDKP Am 1 (dikenakan bayaran RM 5.00 sekeping) yang boleh didapati di bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Kubang Pasu, Komplek Pentadbiran Daerah Kubang Pasu, 06000 Jitra, Kedah Darul Aman. **MULAI 2 November 2017**
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - (a) Kad Pengenalan diri
  - (b) Sijil Kelahiran
  - (c) Sijil-sijil persekolahan
  - (d) Kelulusan Akedamik (Sijil/Diploma/Ijazah) \*Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon.
  - (e) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (Jika Diploma/Ijazah sebenar masih belum diterima)
  - (f) Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport
  - (g) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh pegawai kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.
4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui KETUA JABATAN masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
5. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada:

**Yang DiPertua  
Majlis Daerah Kubang Pasu  
Komplek Pentadbiran Daerah Kubang Pasu  
06000 Jitra  
Kedah Darul Aman.**

**TARIKH TUTUP:** Sebelum atau pada **23 November 2017**, jam 3.00 petang.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah

t.t.

**MOHD. FISOL BIN MD. NOH SDK, AMK, BCK.**  
Yang DiPertua  
Majlis Daerah Kubang Pasu.